

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 01 APRIL 2009 (RABU)

SOALAN

YB Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kes yang melibatkan juvana yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sejauh mana Jabatan mengguna pakai laporan akhlak yang dibuat oleh pegawai bagi setiap kes.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengendalikan kes yang melibatkan kanak-kanak sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Di bawah akta tersebut, tiada peruntukan mengenai takrifan juvana tetapi ia ditakrifkan sebagai seseorang kanak-kanak yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan (Akta 574) iaitu sepuluh tahun. Kes yang melibatkan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dikategorikan kepada dua iaitu kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak tidak terkawal. Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ialah kes-kes rujukan pihak polis setelah penangkapan kanak-kanak dibuat di bawah seksyen 87 Akta Kanak-Kanak 2001. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 5,206 kes kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang melibatkan berbagai jenis kesalahan iaitu 2,802 kes bersabit dengan harta, 174 kes bersabit dengan orang, 158 kes kesalahan jantina, 13 kes melanggar syarat pengawasan, 760 kes berkaitan dengan dadah, 35 kes judi, 68 kes senjata/bahan api, 853 kes lalulintas, 4 kes lari dari sekolah diluluskan dan 339 kes bagi lain-lain kesalahan (di bawah akta perikanan, akta pengangkutan, akta pencegahan rasuah, akta telekom, ordinan keracunan, memiliki bahan lucah, masuk kawasan larangan dan merayau tanpa kad pengenalan). Kes kanak-kanak tidak terkawal pula adalah kes yang dirujuk oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak setelah menerima permohonan secara bertulis dari ibu atau bapa atau penjaga yang tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak atau anak di bawah jagaannya dari terlibat dengan gejala sosial. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 150 kes kanak-kanak tidak terkawal telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam mengendalikan kedua-dua kes di atas, Pegawai Akhlak (Pegawai JKM) perlu menyediakan laporan akhlak. Laporan akhlak ialah suatu laporan yang disediakan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 90(13) Akta Kanak-Kanak 2001 yang mengandungi butiran peribadi, perihal kanak-kanak serta syor Pegawai Akhlak

NO SOALAN: 47

kepada pihak mahkamah. Secara khususnya, penggunaan laporan akhlak adalah sepertimana berikut : (i) Bagi kes kanak-kanak yang terlibat jenayah, laporan akhlak perlu dikemukakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak selepas kanak-kanak didapati bersalah atau mengaku salah atas kesalahannya, mengikut prosedur sepertimana peruntukan di bawah seksyen 90, Akta Kanak-Kanak 2001. Ianya akan membantu pihak Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam memberi pertimbangan dalam menjatuhkan sesuatu perintah atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak agar perintah yang dikenakan adalah demi kepentingan terbaik untuk kanak-kanak. (ii) Manakala bagi kes kanak-kanak tidak terkawal, laporan akhlak dikemukakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak setelah mendapat arahan dari Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Ia menentukan sama ada perintah boleh dibuat bagi permohonan ibu atau bapa atau penjaga bagi kes kanak-kanak tidak terkawal, sepertimana dalam peruntukan di bawah seksyen 46 (1) Akta Kanak-Kanak 2001. (iii) Laporan akhlak juga perlu disediakan dan dikemukakan oleh Pegawai Akhlak di Mahkamah Majistret, Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Tinggi bagi kes kanak-kanak terlibat jenayah sekiranya diperlukan atau atas arahan mahkamah berkenaan. (iv) Laporan akhlak yang disediakan juga digunakan dalam membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam melaksanakan program pemulihan kanak-kanak di institusi pemulihan akhlak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Melalui laporan akhlak, Jabatan akan dapat mengenalpasti latarbelakang kes kanak-kanak dan program pemulihan yang bersesuaian akan dapat dilaksanakan. (v) Penyediaan laporan akhlak juga adalah bagi memenuhi hak kanak-kanak dalam Perkara 13 (kebebasan bersuara) dan Perkara 40 (pentadbiran keadilan juvana) di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak kerana dalam penyediaan laporan akhlak selain dari ibubapa atau penjaga, kanak-kanak akan ditemubual sendiri oleh Pegawai Akhlak.

Jawapan Disediakan Oleh : 1) Nama : Ahmad Hashim Bin Selamat 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Bahagian Kanak-Kanak 4) No. Tel : 03 2616 5655

Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Hj Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah 3) Bahagian : Perancangan dan Pembangunan

Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan:- 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM

Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Y. Bhg. Datuk Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha